

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 19/01/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 16

Tajuk : Pakej insurans untuk koperasi

Angkasa sasar 200,000 ahli langgan Skim Insurans Emas

Kosmo (19/01/2019) m/s 16

Pakej insurans untuk koperasi

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

BUKIT TINGGI – Angkasan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyasarkan seramai 200,000 ahli koperasi seluruh negara melangkaui produk insurans terbaru berkonsepkan takaful dalam usaha mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Skim Eksklusif Manfaat Medikal Hayat Anggota Koperasi (Emas) itu menawarkan empat manfaat secara tahunan antaranya hayat (RM50,000), kemalangan (RM40,000), kemasukan hospital (RM50,000) dan pesakit luar (RM500).

“Istimewanya pakej insurans tersebut adalah ia terbuka kepada semua ahli koperasi sehingga berumur 70 tahun berbanding produk sedia ada yang hanya ditawarkan kepada individu berumur bawah 65 tahun.



ABDUL FATTAH (dua dari kiri) dan Sabari Misran (dua dari kanan) menunjukkan memorandum pada Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama di The Chateau Bukit Tinggi semalam.

“Ahli koperasi juga akan menikmati manfaat perubatan sehingga mereka berumur 80 tahun selain perubatan terhadap penyakit sedia ada,” katanya pada pemberita selepas melancarkan skim in-

surans Emas di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad, Datuk Sabari Misran dan Pengarah Urusan MyAngkasa Emas Medicare Sdn. Bhd., R. Magindra.

Jelasnya, ahli koperasi juga bebas memilih untuk menyumbang dengan cara berbeza melalui mekanisme pembayaran secara tunggal ataupun tahunan dengan anggaran bayaran tahunan sebanyak RM2,000.

“Bagi ahli koperasi yang kurang berkemampuan membuat pembayaran secara tahunan, Koperasi Tanjung Keramat turut menyediakan dana berjumlah RM100 juta bagi tujuan pinjaman.

“Mereka boleh memohon untuk membuat pinjaman tersebut dan kaedah pembayaran balik akan dibuat secara potongan gaji setiap bulan,” ujarnya.

Terdahulu, Abdul Fattah turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara MyAngkasa Emas Medicare Sdn. Bhd. dengan Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Berhad dalam usaha menyediakan kemudahan perubatan kepada golongan berkenaan.